

**Perak Sokong Pendekatan Islah Program Transformasi Kerajaan – Zambry  
Bernama  
6 Ogos, 2012**

LUMUT, 6 Ogos (Bernama) -- Kerajaan negeri Perak menyokong penuh pendekatan islah yang diperkenalkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menerusi Program Transformasi Negara (GTP) dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi.

Menteri Besar Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir berkata dalam usaha melakukan sesuatu perubahan, sewajarnya ia dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh selaras dengan islah dalam Bahasa Arab itu sendiri yang bermaksud bersungguh-sungguh.

"Kerajaan begitu bersungguh dalam melaksanakan pelbagai program pembaharuan yang pelbagai aspek termasuk ekonomi, sosial serta politik demi kepentingan rakyat selaras dengan ajaran Islam.

"Agihan keadilan serta kesaksamaan turut dilakukan. Sama ada mereka yang tinggal di bandar, luar bandar, pantai barat atau pantai timur. Semuanya mendapat manfaat hasil pendekatan islah yang dilakukan," katanya kepada pemberita selepas Majlis Program Ihsan Ramadan dan Aidilfitri di Sungai Wangi, Ayer Tawar di sini.

Seramai 220 penerima terdiri daripada warga emas, orang kurang upaya dan anak yatim menerima sumbangan berupa duit raya dan barangan keperluan harian daripada Zambry.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=685972>